



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 FEBRUARI 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BUNGA DURIAN KLON MENJADI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	RACUN RUMPUT JADI PUNCA KEMATIAN IKAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	LAIN-LAIN
3.	DURIAN MERAH – NEXT BIG THING? 'THE FRUIT SHOULD BE STUDIED FOR ITS HEALTH BENEFITS DAN COMMERCIALISED', NATION, THE STAR, M/S – 11	
4.	UDANG KARA JEJAS TANGKAPAN KAKI PANCING IKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 31	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	10



RASHIHA membantu menjual durian selepas membelinya daripada pekebun. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Pengeluaran durian klon di negeri ini dijangka meningkat dua hingga tiga kali ganda bermula Jun depan berikutan faktor cuaca dan pendebungaan bunga yang sangat menggalakkan di negeri ini.

Pekebun durian, Lokman Isa, 65, berkata, pengeluaran bunga durian bagi musim pertama tahun ini begitu banyak, faktor berkenaan menandakan buah yang bakal keluar akan banyak seterusnya mampu memberi keuntungan lebih pada pekebun.

Menurutnya, rata-rata pekebun durian klon berskala besar di Jerantut, Raub dan Bentong yakin pengeluaran kebun durian mereka bertambah terutama apabila melihat bunga durian yang keluar kini begitu banyak.

"Harga durian klon yang masih berada pada tahap memuaskan walaupun sedikit menurun berbanding sebelum ini, namun itu tidak terlalu menjejaskan ke-

Bunga durian klon menjadi

Pengeluaran raja buah di Pahang jangka meningkat tiga kali ganda bermula Jun depan

"Antara durian klon terkenal di negeri ini seperti Musang King, Duri Hitam, D24 dan IOI. Permintaan terhadap raja buah itu begitu menggalakkan walaupun harganya lebih tinggi berbanding durian kampung," katanya ketika dihubungi, semalam.

Lokman yang mengusahakan kebun durian klon duri hitam seluas lebih lima hektar di Jerantut berkata, permintaan terhadap durian klon dan kampung sentiasa bertambah wa-

laupun harga yang ditawarkan ada ketikanya agak tinggi.

"Apabila buah banyak harga durian akan turun seterusnya memberi peluang kepada peminat raja buah menikmati durian dengan lebih banyak," katanya yang juga bekas pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Jerantut.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang, Rashiha Mamat berkata, pihaknya membeli lebih 30 tan du-

rian klon dan kampung pada musim akhir tahun lalu dan menyasarkan 50 tan lagi akan dibeli sehingga hujung bulan ini apabila pengeluaran musim berkenaan berakhir.

"Setiap kali musim durian kami sedia membantu memasarkan raja buah itu bagi mengelak kerugian ditanggung pekebun apabila mereka tidak dapat memasarkan hasil, selain itu kita turut menghasilkan pes tempoyak.

"Sekiranya terbukti pengeluaran durian pada pertengahan tahun ini bertambah, usaha membantu pekebun akan terus dilakukan sekiranya diperlukan," katanya yang turut berusaha menjadikan kebun durian sebagai

"Antara durian klon terkenal di negeri ini seperti Musang King, Duri Hitam, D24 dan IOI. Permintaan terhadap raja buah menggalakkan walaupun harganya lebih tinggi berbanding durian kampung"

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

Racun rumput jadi punca kematian ikan

Beaufort: Kerajaan negeri menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kematian pelbagai spesies ikan di beberapa sungai di Sabah yang dikaitkan dengan penggunaan racun rumput secara berleluasa bagi aktiviti pembukaan ladang pertanian.

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Ruslan Muharam berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada beberapa daerah lain termasuk di kawasannya berhubung perkara itu.

Beliau turut mengambil maklum mengenai laporan media tempatan berhubung isu peningkatan jumlah kematian ikan pelian atau kelah di Sungai Tagal Kampung Bambangan, Tambunan, sejak beberapa bulan lalu.

Mengulas lanjut, Ruslan berkata, masalah terbabit sering dikaitkan dengan aktiviti pembukaan ladang

pertanian yang menggunakan racun rumput secara berlebihan.

“Di mana-mana kawasan, pembukaan ladang menggunakan racun rumput yang banyak, ini memberi kesan kepada alam sekitar khususnya di sungai.

“Apa yang turut membimbangkan, pencemaran sungai akan memberi kesan di loji air dan ia digunakan oleh kalangan rakyat kita,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penganugerahan Janang Gayuh Bisaya Sabah di sini, kelmarin.

Susulan itu, beliau berkata, kerajaan negeri akan mencari mekanisme terbaik untuk mengurangkan penggunaan racun rumput bagi aktiviti pembukaan ladang pertanian.

“Mungkin kita (boleh menetapkan) had jarak (penggunaan racun rumput) daripada sungai ataupun persekitaran sepatutnya yang dibolehkan,” katanya.

Durian merah – next big thing?

'The fruit should be studied for its health benefits and commercialised'

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Borneo's exotic durian merah or red durian has the potential to become a new food highlight and developed into an agro-tourism product.

Kuamut assemblyman Datuk Masiung Banah said the state Agriculture Department should conduct more in-depth studies on the fruit, focusing on its health benefits and nutritional value, while also adopting new technologies to develop high-quality seedlings that would make it commercially viable.

Masiung proposed that the

Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industry Ministry carry out research to produce seedlings that grow into shorter, shadier trees, instead of the traditionally tall varieties.

"Unlike regular durians, the durian merah variety does not fall even when ripe, and the tall trees must be climbed to harvest them," he said.

He said the durian merah flesh was not only regarded as a traditional staple among the ethnic Sungai people in Tongod, Kinabatangan, Telupid and Beluran, but also a sought-after food for exotic fruit lovers in Sabah and Sarawak.

"The flesh is usually sauteed

with flavouring to make 'sambal'. It is a popular dish in the northern part of Sabah and has the potential to penetrate the food market in the region," he said.

He described the fruit's bright red flesh as less sweet, drier in texture and less pungent smell compared with regular durians.

Masiung, who is chairman of state-owned Sedco Group, is confident that minister Datuk Jamawi Jaafar, who has extensive experience in durian-based agriculture, would be able to commercialise the red durian variety.

Masiung said if production increased, market opportunities would expand.



Big potential: Durian merah is a staple with the ethnic Sungai people.

